

Tanggung PTPTN, elaun RM200 ringankan beban pelajar

Pakej PRIHATIN RM300 juta beri manfaat 1.5 juta pelajar

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur: Satu daripada langkah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang diumumkan kerajaan baru-baru ini adalah bantuan secara *one-off* sebanyak RM200 kepada setiap pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang turut diperluaskan kepada pelajar tingkatan enam, pelajar diploma dan setara termasuklah di institusi di bawah Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan serta Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Pemberian bantuan itu membolehkan peruntukan sebanyak RM300 juta yang bakal memanfaatkan lebih kurang 1.5 juta pelajar dan dijangka dibayar kepada pelajar yang layak pada penghujung April ini.

Keprihatinan kerajaan terhadap senario terkini masyarakat dalam mendepani pandemik COVID-19 dan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga menyebabkan kerajaan bersetuju untuk memberikan penangguhan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) membolehkan jumlah kutipan sebanyak RM750 juta.

Inisiatif yang dibuat kerajaan dalam memahami kesukaran yang dihadapi rakyat termasuk golongan mahasiswa mendapat reaksi positif daripada segenap lapisan masyarakat yang berpendapat langkah berkenaan mampu meringankan beban mereka dalam meneruskan kehidupan sepanjang tempoh PKP dan juga selepas tamatnya perintah kawalan berkenaan.

Pelajar Bachelor Pendidikan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd Khairulniezam Mohd Abdullah, berkata elaun bantuan RM200 kepada pelajar IPT adalah suatu langkah yang baik dalam soal menjaga kebajikan pelajar malah pendekatan rangsangan ekonomi itu amat melegakan semua pihak terutama ibu bapa dan keluarga dalam menghadapi wabak COVID-19 kerana ia mampu meringankan beban keluarga pelajar yang nyata pendapatan mereka agak terkesan ekoran pelaksanaan PKP.

Selain itu, katanya, elaun berkenaan juga berupaya membantu pelajar dari aspek sara diri seperti membeli makanan, alatan kelangsungan pengajian dan sebagainya.

“Meskipun begitu, saya in-

gin mencadangkan supaya pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menjalankan fungsi mereka dalam memartabatkan ilmu pengetahuan dengan mengadakan pesta buku secara dalam talian atau atau apa cara sekalipun supaya dapat mengalih pandangan pelajar untuk menggunakan wang yang diberikan dengan secara berhemah. Pada masa sama, saya percaya langkah sebegini mampu membantu kerajaan merencanakan semula ekonomi setempat mahupun nasional.

“Inisiatif kerajaan menanggung bayaran PTPTN juga dilihat memberikan impak yang positif terutamanya kepada semua peminjam khususnya graduan baharu yang masih berusaha mencari peluang pekerjaan malah ada yang berdepan kesukaran mendapat kerja ekoran pelaksanaan PKP yang turut memberi impak kepada majikan dalam membuat keputusan untuk mengambil pekerja baharu,” katanya.

Bantuan *one-off* RM200 itu akan disalurkan kepada pelajar yang layak melalui akaun bank masing-masing mulai hujung April ini oleh institusi masing-masing dan semakan boleh dibuat di Bahagian Kemasukan Hal Ehwal Akademik/Unit Hal Ehwal Pelajar/Unit Pembangunan Pelajar di institusi masing-masing.

Pelajar Jurusan Ijazah Sarjana Muda dan Ekonomi, Universiti Malaya (UM), Infatih Natasha Mohd Faisal turut sependapat bahawa pemberian bantuan itu mampu meringankan beban mahasiswa terutama bagi mereka yang menetap sendirian di rumah sewa.

Katanya, bantuan itu memberikan kelegaan kepada mahasiswa yang tinggal berseorangan kerana ia sedikit sebanyak dapat menampung keperluan harian termasuklah membeli barang makanan, membayar bil bulanan dan sewa rumah memandangkan ada yang perlu menanggung diri sendiri, tiada sumber pendapatan yang tetap dan tidak mendapat bantuan makanan seperti yang diterima pelajar di dalam kampus atau universiti.

“Selain itu, pemberian elaun ini juga boleh digunakan sebagai dana untuk membeli data internet bagi keperluan *e-learning* kerana pelaksanaan PKP menyebabkan kebanyakan universiti memilih untuk menjalankan



Mohd Khairulniezam Mohd Abdullah



Infatih Natasha Mohd Faisal



Mohamad Yusof Tashfin Musa

sesi pengajaran dan pembelajaran secara *online* atau *e-learning*, malah ada sesi kuliah yang menggunakan panggilan video dan memerlukan lebih banyak data internet dan dengan bantuan ini, ia sangat membantu pelajar.

“Wang ini juga boleh digunakan sebagai persediaan kewangan sepanjang PKP berlangsung. Tempoh PKP yang kini dilanjutkan sehingga ke Fasa Tiga dan isu vaksin yang masih belum ditemui menyebabkan kita tidak mampu menjangkakan bila PKP akan berakhir. Jadi, dengan bantuan yang diberikan kepada mahasiswa

ini, ia mampu dijadikan simpanan sebagai kegunaan penting sekiranya PKP masih dilanjutkan kepada fasa seterusnya,” katanya.

Sementara itu, mahasiswa Universiti Sains Malaysia (USM), Mohamad Yusof Tashfin Musa, berkata elaun bantuan itu adalah satu langkah yang baik dan tepat pada masanya kerana ia dapat meringankan beban mahasiswa, lebih-lebih lagi untuk kegunaan mereka melanggan internet.

“Seperti yang diketahui, kebanyakan universiti mula menggunakan kaedah *e-learning* dan ia memerlukan penggunaan in-

ternet yang tinggi dan berterusan. Jadi, pemberian bantuan ini sedikit sebanyak meringankan beban pelajar untuk menampung kos data internet yang diperlukan untuk tujuan *e-learning*.

“Penangguhan bayaran PTPTN selama enam bulan juga satu langkah yang baik. Saya percaya, ramai peminjam PTPTN yang akan menerima kesan yang besar selepas tamatnya PKP ini, termasuklah kenaikan kos sara hidup secara mendadak. Penangguhan ini akan mengurangkan sedikit beban mereka sekurang-kurangnya sehingga kewangan mereka stabil,” katanya.



Pelajar IPT mengadakan perbincangan secara bersemuka sebelum tempoh PKP.. (Foto hiasan)